

Promosi Keluarga Malaysia sebagai dasar kerajaan sekarang

JPM perlu agresif - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengarahkan Jabatan Perdana Menteri (JPM) supaya lebih proaktif mempromosi konsep Keluarga Malaysia yang mendasari kerajaan pimpinan beliau dalam memulihkan negara daripada kesan Covid-19.

Perdana Menteri menegaskan, JPM sepatutnya yang mendahului promosi konsep yang dilancarkan Oktober lalu yang mana Ketua Setiausaha Negara (KSN) selaku pengerusi.

"Sepatutnya yang mendahului promosi konsep ini ialah JPM. KSN sebagai pengerusi promosi ini. Kadang-kadang saya lihat kurang peranan yang ditunjukkan oleh agensi atau jabatan di bawah JPM.

"Justeru, saya berharap JPM dapat meningkatkan promosi konsep Keluarga Malaysia supaya orang lain dapat lihat bahawa JPM terlibat lebih ke hadapan berbanding orang lain.

"Bagaimana saya nak minta sokongan orang lain kalau kita selaku tuan rumah tidak lakukan sebaik-baiknya," katanya berucap dalam majlis amanat Perdana Menteri bersama warga JPM di sini, semalam.

Konsep 'Keluarga Malaysia' menggariskan tiga teras utama iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran selain mengandungi 20 pengkayaan nilai yang mendasari kerajaan pimpinan Ismail Sabri.



ISMAIL Sabri Yaakob dan Ketua Setiausaha Negara. Tan Sri Mohd. Zuki Ali melancarkan Majlis Perasmian 100 Hari Aspirasi #KeluargaMalaysia di Kuala Lumpur Disember lalu. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Bagaimanapun, Perdana Menteri menghargai kepemimpinan di setiap negeri yang rata-ratanya menyambut baik konsep tersebut dan menguaruakan dalam setiap majlis yang dianjurkan.

"Saya berharap apabila diumumkan Keluarga Malaysia, ia mendapat sokongan agensi-agensi selain menteri-menteri dan ketua-ketua jabatan untuk promosikan konsep Keluarga Malaysia.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berharap semua warga sektor awam khususnya JPM dapat menjalankan tugas dengan jujur dan berintegriti kerana seluruh mata tertumpu kepada jabatan tersebut memandangkan hampir keseluruhan perkara berkaitan dasar negara terletak di bawah jabatan itu.

Beliau berkata, dari segi gerak kerja di JPM sepatutnya mesti menunjukkan contoh terbaik kepada kementerian lain dan

rakyat dari segi pengurusan agar apa yang dirancang kerajaan perlu dipastikan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Atas sebab itu, kata beliau, kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas memantau Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) supaya rakyat dapat merasai setiap apa yang diumumkan kerajaan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan mempertimbangkan untuk melonggarkan lagi prosedur operasi standard (SOP) sekiranya vaksinasi Covid-19 di negara ini termasuk dos penggalak selesai.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun, perkara tersebut perlu mengambil kira pertimbangan Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum membuat keputusan.

"Kita lihat kalau dua dos vaksin Covid-19 dan penggalak selesai, saya percaya kita boleh berikan sedikit lagi kelonggaran dan ini terpulung kepada KKM untuk berikan pandangan," katanya.

Menurut Ismail Sabri, kerajaan tidak boleh terlalu *rigid* berhubung sekatan pintu sempadan kerana kesannya kepada industri pelancongan yang mengalami kerugian teruk.

Kata beliau, sesetengah negara telah pun mengurangkan SOP untuk pelancong ke negara mereka, dan langkah sama mungkin boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di negara ini.